

29 DEC 2001

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS TERBUKA MALAYSIA SEMPENA HARI KRISMAS

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini menghadiri majlis rumah terbuka Malaysia 2001 sempena Hari Krismas di Istana Budaya di sini.

Majlis itu, yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, dihadiri kira-kira 10,000 pengunjung, yang terdiri dari masyarakat Malaysia berbilang kaum serta pelancong asing yang berada di negara ini.

Majlis dimulakan tepat pukul 9 malam sebaik ketibaan Dr Mahathir yang terus menyalakan lampu elektrik warna-warni di pokok krismas serta diikuti dengan nyayian lagu Krismas oleh kumpulan koir daripada beberapa gereja di sekitar Kuala Lumpur dan Klang.

Majlis itu juga turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan daripada penari-penari Persatuan Kristian Malaysia yang meliputi tarian tradisional pelbagai kaum di Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir bagaimanapun tidak dapat hadir pada majlis malam ini kerana mengetuai misi pelancongan negara ke negara-negara di Timur Tengah.

Beliau diwakili oleh Ketua Setiausaha kementerian itu Tengku Datuk Alaudin Tengku Abdul Majid.

-- BERNAMA

AT HK ZB